

SILFAZINE CREAM

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Silver Sulphadiazine (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Silfazine Cream
2. Bagaimana Silfazine Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Silfazine Cream
4. Cara menggunakan Silfazine Cream
5. Semasa menggunakan Silfazine Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Silfazine Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Silfazine Cream

Ia digunakan sebagai pencegahan dan rawatan tambahan luka sepsis (kehadiran bakteria dalam luka) pada orang yang mempunyai luka terbakar darjah kedua dan ketiga.

Bagaimana Silfazine Cream berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Silver sulphadiazine . Ia mempunyai aktiviti antimikrob luas terhadap bakteria gram-positif dan gram-negatif, yis dan kulat. Silver sulphadiazine bertindak hanya pada membran sel dan dinding sel untuk menghasilkan bahan untuk membunuh bakteria.

Sebelum menggunakan Silfazine Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Silfazine Cream jika:

- anda hipersensitif pada silver sulphadiazine atau ubat sulphonamide lain atau mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- anda hamil.
- anak anda adalah bayi pramatang atau bayi yang baru lahir dalam bulan pertama kerana terapi sulfonamide akan meningkatkan kecenderungan mendapat kernicterus (kerosakan otak akibat daripada tahap bilirubin yang tinggi)

- Sebelum menggunakan Silfazine Cream

Anda perlu memberitahu dengan doktor anda jika anda mempunyai:

- masalah hati atau buah pinggang
- kekurangan enzim keturunan dikenali sebagai kekurangan glucose-6-phosphate

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Persediaan enzim topikal yang mengandungi collagenase dan papain (digunakan sebagai agen *debriding*) mungkin boleh dijadikan tidak aktif oleh kandungan perak dalam

sulfadiazine jika digunakan dengan serentak.

Cara menggunakan Silfazine Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Aplikasi topikal

Krim ini perlu digunakan satu hingga dua kali sehari dengan ketebalan lebih kurang 1/16 inci pada kawasan kulit terbakar. Penggunaan krim ini perlu diteruskan sehingga sembah atau sehingga permukaan kulit terbakar berse-dia untuk transplantasi kulit.

- Bila perlu digunakan

Gunakan Silfazine Cream apabila diperlukan dan mengikut preskripsi doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil Silfazine Cream seperti ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos tambahan untuk menggan-tikan dos yang terlepas. Ambil dos se-terusnya pada masa lain seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Silfazine Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Silfazine Cream tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu kepada anda.

- Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan berkongsi dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai masalah yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Silfazine Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kira-kira 2.5% daripada orang yang dirawat dengan silver sulphadiazine, kuping gelap atau kulit mati mungkin berpisah dengan lebih lambat dan serangan kulat pada luka mungkin berlaku. Oleh kerana

kuantiti silver sulphadiazine diserap dengan banyak, mana-mana kesan sampingan yang dikaitkan dengan sulfonamide boleh berlaku.

Reaksi setempat seperti pedih, gatal dan ruam kulit boleh terjadi. Pengurangan dalam bilangan sel-sel putih dalam darah juga boleh berlaku.

Kesan sampingan lain yang tidak disena-raikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda men-galami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Silfazine Cream

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim lembut, licin dan berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
Silver sulphadiazine

- Bahan-bahan tidak aktif

- Liquid Paraffin
- Sodium Hydroxide 0.1m
- Methyl Paraben
- Sodium Lauryl Sulphate
- Propylene Glycol
- Cetomacrogol 1000
- White Soft Paraffin
- Deionised Water
- Cetostearyl Alcohol

- Nombor MAL

MAL19921154AZ

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

26/10/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)211015/00377